



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 2 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LPNM SASAR PENINGKATAN INDUSTRI NANAS TAHUN 2025, MALAYSIA TRIBUNE -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	LAGI PENYU AGAR DITEMUKAN MATI, DALAM NEGERI, UM -35 7.5 TAN IKAN SEGAR HABIS TIDAK SAMPAI SATU JAM, BUKIT GANTANG, SH -25 10 TAN IKAN SEGAR PERCUMA 'LARIS' 1 JAM, LOKAL, HM -21 GOVT MULLS IMPORTING RICE FROM PAKISTAN, NEWS, NST -8 NACCOL CADANG WUJUD SATU GRED HARGA BERAS PUTIH, NEGARA, KOSMO -8 LANGKAH BERPOTENSI TAMAT ISU HARGA, BEKALAN BERAS, NASIONAL, BH -8 INISIATIF KETERJAMINAN MAKANAN HARUNGI CABARAN 2025, NIAGA, KOSMO -38	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2025	MALAYSIA TRIBUNE	ONLINE	

LPNM sasar peningkatan industri nanas tahun 2025



KUALA LUMPUR – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bertekad untuk meneruskan momentum kecemerlangan industri nanas negara pada tahun 2025, selepas mencatat pencapaian memberangsangkan sepanjang tahun 2024.

Pengerusi LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, walaupun berdepan kekangan gunatanah, keluasan kawasan tanaman nanas berjaya ditambah sebanyak 1,674 hektar, menjadikan keseluruhannya 18,275.7 hektar.

“Tahun lalu juga menyaksikan pengeluaran nanas segar Malaysia mencecah 100,440 metrik tan, jauh melebihi sasaran awal iaitu 85,000 metrik tan.

Peningkatan itu didorong oleh penglibatan syarikat berskala besar dalam industri nanas,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Sheikh Umar, nilai eksport nanas Malaysia sehingga September 2024 telah mencecah RM899 juta dan dijangka melebihi RM1 bilion apabila angka akhir dikumpulkan.

“Kejayaan itu turut diterjemahkan menerusi peningkatan jumlah kontena eksport yang mencapai 1,778 kontena, berbanding hanya 800 kontena sebelum ini. Ini mencerminkan penerimaan baik terhadap kualiti nanas Malaysia di pasaran antarabangsa,” katanya lagi.

Beliau menambah, pasaran nanas Malaysia turut menembusi Perancis dan New Zealand, membuktikan keupayaan negara memenuhi piawaian ketat negara pengimport.

Kerjasama dengan Sarawak turut mencuri perhatian, apabila negeri itu komited memperluaskan kawasan tanaman nanas sehingga 20,000 hektar menjelang 2030. Pada 2024 sahaja, keluasan bertambah sebanyak 228 hektar.

Selain itu, Sheikh Umar optimis dengan potensi varieti baharu SG1 yang ditemui di Miri. “Varieti ini boleh ditanam dengan kepadatan tinggi iaitu 22,000 pokok sehektar dan dituai dalam masa sembilan bulan. Ini akan memberi lonjakan besar kepada industri nanas negara,” ujarinya.

Mengulas harapan bagi tahun baharu, beliau berkata LPNM menyasarkan pekebun nanas memperoleh pendapatan bulanan sehingga RM8,000, meningkat daripada RM5,000 yang dicatatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

“Konsep ‘Sekali Tanam Tiga Kali Tuai’ akan terus diperkukuh, dengan penekanan kepada tuaian buah, sulur dan sisa nanas sebagai sumber ekonomi mampan,” jelas beliau.

LPNM yakin dengan strategi yang dirancang, industri nanas akan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara serta membuka peluang kepada rakyat untuk menjana pendapatan lumayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Lagi penyu agar ditemukan mati

KEMAMAN: Seekor lagi penyu agar ditemukan mati di Pantai Penunjuk Kijal, semalam iaitu kurang 36 jam selepas penemuan bangkai reptilia marin itu, Isnin lalu.

Bangkai penyu kedua itu ditemukan Amru Rashid, 37, bersama rakanannya, Che Wan Suhaimi Che Wan Sidik, 53, pada pukul 6.40 petang semalam, kira-kira 200 meter dari lokasi penemuan bangkai penyu pertama yang dijumpai seorang wanita.

Amru berkata, mereka yang sedang berehat di pantai itu melihat objek besar yang terdampar di gigi pantai dan dipukul ombak.

"Kami menghampiri objek itu mendapati seekor penyu dalam keadaan terbalik telah mati. Kami dapati terdapat kesan kecederaan pada bahagian ekor bangkai penyu itu, mungkin mati terjerut pukat," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Amru berkata, biasanya penyu ini mati kerana terjerut pukat atau makan plastik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2025	SINAR HARIAN	BUKIT GANTANG	25

7.5 tan ikan segar habis tidak sampai satu jam

Pemberian ikan percuma kepada 7,500 penduduk sempena sambutan Tahun Baharu 2025

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
BUKIT GANTANG



Penduduk beratur mendapatkan ikan segar percuma yang diagihkan di Dewan Taman Mewah Fasa 1 di Kuala Sepetang.

Tidak sampai satu jam, sebanyak 7.5 tan ikan kembung dan ikan lolong segar selesai diagihkan

kepada penduduk sekitar Parlimen Bukit Gantang.

Inisiatif pemberian ikan percuma sempena sambutan Tahun Baharu 2025 membabitkan 25 lokasi di Kuala Sepetang dan Changkat Jering.

Rata-rata orang ramai mula beratur seawal jam 8 pagi meskipun agihan ikan bermula jam 9 pagi.

Tukang cuci, Wan Nor Baizura Wahab, 45, berkata, edaran ikan segar percuma merupakan inisiatif baik yang dapat membantu penduduk mengurangkan perbelanjaan harian.

"Saya dapat tahu program ini menerusi aplikasi WhatsApp dan sedikit sebanyak meringankan beban penduduk kampung.

"Ikan yang saya perolehi sekitar satu kilogram ini menjadi hidangan kami enam beranak," kata ketika



ditemui Sinar Harian di sini pada Rabu.

Bagi operator kilang, Mohd Alif Azizi, 32, pemberian ikan sangat bermakna bagi penduduk terutama asnaf.

"Banyak program dilaksanakan sebelum ini membabitkan Jualan Rahmah dan barangan keperluan harian lain tetapi kali ini ikan pula diberikan percuma.

"Jadi peluang seumpama ini tidak seharusnya dilepaskan, lebih-lebih lagi ketika berhadapan peningkatan kos sara hidup sekarang," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, program dilaksanakan selama dua hari membabitkan 7,500 penduduk di 31 lokasi tumpuan.

"Hari pertama dilaksanakan di 25



WAN NOR
BAIZURA



MOHD ALIF

lokasi manakala pada Khamis pula melibatkan 2.5 tan ikan di enam lokasi di Trong.

"Program ini sebahagian inisiatif membantu rakyat mengurangkan beban terutama golongan B40, asnaf, ibu tunggal serta penduduk pedalaman," katanya.

Syed Abu Hussin berkata, bekalan ikan segar berkenaan diperolehi dari jeti pendaratan ikan di Kedah, Perlis, Johor dan Pahang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	21



PENDUDUK berpusu-pusu mendapatkan ikan percuma yang diberikan oleh Ahli Parlimen Bukit Gantang. - Gambar NSTP/SHAFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

10 tan ikan segar percuma 'laris' 1 jam

Bukit Gantang: Sebanyak 10 tan ikan segar diedarkan secara percuma kepada 10,000 penduduk di Parlimen Bukit Gantang, semalam sempena Tahun Baharu 2025.

Program pemberian ikan percuma selama dua hari di 31 lokasi di Dewan Undangan Negeri (Dun) Changkat Jering dan Kuala Sepetang itu selesai dalam tempoh kurang satu jam.

Ahli Parlimen Bukit

Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, nilai keseluruhan ikan yang diberikan kepada penduduk hampir RM150,000.

Menurutnya, kesemua ikan itu dibeli dari perairan yang turun ke laut.

"Sumber bekalan saya beli dari pusat pe-

ngumpulan ikan dan saya agihkan secara percuma kepada penduduk di parlimen saya sempena sambutan tahun baru ini," katanya ditemui semalam.

Menurutnya, program itu dibuat bagi membantu penduduk mendapat sumber makanan lebih murah berbanding pa-

saran.

"Selain pemberian ikan percuma, saya turut merancang mengadakan beberapa program lain setiap awal bulan bagi membantu rakyat termasuk pelajar.

"Pada 1 Februari nanti, kita akan memberikan bantuan kepada pelajar manakala pada 1 Mac, kita akan teruskan program bantuan kepada ibu tunggal sempena menyambut Ramadan," katanya.

Nilai keseluruhan ikan yang diberikan kepada penduduk hampir RM150,000

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2025	NST	NEWS	8

SUPPLY CONCERNS

Govt mulls importing rice from Pakistan

BUKIT GANTANG: The government is considering importing white rice from Pakistan to address issues with supply and pricing.

National Action Council on Cost of Living (NACCOL) Task Force (Food Cluster) chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal said the proposal, submitted to Padiberas Nasional Bhd (Bernas), had the consent of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim but has yet to be finalised.

"I accompanied the prime minister to Pakistan, where 28 exporters expressed readiness to supply 100,000 tonnes of rice to us."

He said this via a live video call at Dewan Taman Mewah Phase 1 here yesterday.

During his visit to Pakistan on Oct 3, Anwar indicated the government's willingness to obtain the rice but stressed the need for further evaluation, particularly on pricing mechanisms. In addition to rice, he also

highlighted the possibility of importing meat from Pakistan.

Syed Abu Hussin, who is Bukit Gantang MP, said he stands by the proposal to establish a single price grade for white rice to prevent manipulation of local white rice prices.

"This would stop the mixing of local and imported rice, which is then sold at higher prices, despite

the ceiling price for local rice being RM26," he said, adding that he planned to raise the matter in Parliament.



Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/1/2025	KOSMO	NEGARA	8

NACCOL cadang wujud satu gred harga beras putih

BUKIT GANTANG – Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) melalui pengerusinya akan membentangkan cadangan mewujudkan satu gred harga beras putih dalam sesi Parlimen akan datang.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, cadangan itu bagi mengelakkan sebarang manipulasi harga beras putih tempatan, sekali gus menoktahkan isu berkaitan beras di negara ini.

“Isu ketidakcukupan beras tempatan dalam pasaran sememangnya menjadi rungutan rakyat kerana ia belum lagi diselesaikan secara tuntas.

“Begitu juga rungutan rakyat mengenai harga beras import yang dilihat membebankan mereka dan perkara ini perlu diberi keutamaan untuk dinoktahkan,” katanya kepada pemberita di Dewan Taman Mewah Fasa 1 Taiping di sini semalam.

Menurutnya, beliau bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melakukan kunjungan ke Pakistan untuk mengusahakan pembelian tambahan sebanyak 100,000 tan



KEKURANGAN bekalan beras tempatan masih menghantui pengguna.

– GAMBAR HIASAN

metrik beras putih.

“Rundingan telah diadakan bersama 28 pengeksport utama negara tersebut yang menyatukan kesediaan mereka menjual beras putih kepada kerajaan Malaysia dengan harga RM2,200 untuk satu metrik tan.

“Sebelum ini harga pasarnya adalah sebanyak RM2,800 satu metrik tan.

“Dengan penawaran harga sebanyak RM2,200, ia akan membuka peluang kepada pelarasan harga yang lebih kompetitif,” katanya.

Cadangan kerajaan import beras putih dari Pakistan

Langkah berpotensi tamat isu harga, bekalan beras

Bukit Gantang: Cadangan kerajaan mengimport beras putih dari Pakistan adalah kaedah yang berpotensi bagi menamatkan kemelut berhubung harga dan bekalan beras putih di pasaran tempatan.

Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Pasal, berkata cadangan itu disuarakan kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) selaku pengimport tunggal beras di negara ini.

"Saya bersama Perdana Menteri ke Pakistan baru-baru ini dan mereka meminta kita untuk beli 100,000 tan beras putih melalui 28 pengeksport yang bersedia menjualnya kepada kita.

"Setakat ini saya telah maklumkan tentang cadangan ini kepada BERNAS melalui keizinan Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim, namun ia masih belum dimuktamadkan untuk kita lakukan tindakan susulan," katanya.

Pada 3 Oktober lalu, Anwar sewaktu sesi lawatan kerja di Pakistan menjelaskan kerajaan bersedia membeli 100,000 tan dari kerajaan pimpinan Shehbaz Sharif, namun kajian lanjut perlu dilakukan terutama membabitkan mekanisme harga.

Anwar dalam kenyataan sama turut memaklumkan bahawa selain beras, juga memberi perhatian terhadap pengimportan daging dari negara

Dalam pada itu, Syed Abu Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang berkata, beliau mempertahankan cadangan mewujudkan satu gred harga beras putih bagi mengelak sebarang manipulasi harga beras tempatan.



Cadangan kerajaan mengimport beras putih dari Pakistan antara kaedah berpotensi untuk menangani isu bekalan serta harga beras di pasaran tempatan. (Foto hiasan NSTP)

Beliau berkata, cadangan itu akan terus dibangkitkan pada sidang Parlimen akan datang bagi memastikan masalah berhubung manipulasi beras putih tempatan ini dapat dileraikan.

"Cadangan awal saya, beras pu-

tiuh tempatan dan import ini disatukan dengan harga RM30 bagi penjualan setiap kampak beras putih seberat 10 kilogram (kg) di seluruh negara.

"Ia bagi mengelak berlaku manipulasi apabila beras putih tempatan itu disatukan dengan beras putih import dan dijual dengan harga yang lebih mahal, sedang kan harga siling diletakkan kepada (kampak) beras putih tempatan 10kg adalah sekitar RM26,"

BERNAMA

Inisiatif keterjaminan makanan harungi cabaran 2025

- Amalkan tanaman sayur di kawasan tanah sekeliling rumah, pasu-pasu kecil
- Bantu kurangkan kos, sedia makanan segar untuk keluarga

Oleh NURUL IZZATI YAAKOB

PETALING JAYA - Keterjaminan makanan dijangka menjadi perkara penting pada 2025 seiring dengan cabaran ekonomi yang tidak menentu.

Dekan Fakulti Agrikultur dan juga Pakar Pertanian daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Loh Teck Chwen berkata, keterjaminan makanan ini adalah situasi yang mana setiap individu memiliki akses yang berterusan kepada makanan yang selamat, berkhasiat, memenuhi keperluan dan cita rasa pemakanan mereka untuk menjalani hidup yang aktif serta sihat.

Katanya, dalam usaha untuk memastikan keterjaminan makanan ini mencukupi, semua pihak daripada kerajaan hingga kepada masyarakat harus memainkan peranan penting dalam melaksanakan strategi dan inisiatif penting ini demi membangunkan industri agromakanan yang mampan dan sifar kelaparan.

"Dalam usaha ini, rakyat perlu menggerakkan amalan menanam



UBAH suai taman di rumah dengan menggantikan pokok herba dan juga sayur-sayuran yang mudah ditanam salah satu cara untuk mendapatkan sumber tanaman segar dan menjimatkan belanja dapur. - CAMBAR HIASAN

sayuran sendiri atau berkebun di kawasan rumah secara kecil-kecilan, yang mana ia dapat mengurangkan kos makanan keluarga, menyediakan makanan segar dan sihat serta mengurangkan jejak karbon.

"Inisiatif ini bukan sekadar dapat menghasilkan makanan yang segar dan berkhasiat, tetapi dapat mengurangkan beban tanggungan kepada pasar raya yang kebanyakannya menjual sumber makanan import.

"Selain itu, kita juga mestilah

menyokong petani tempatan dengan membeli produk-produk tempatan serta menyokong golongan petani kecilan yang berdekatan dengan kawasan setempat.

"Secara tidak langsung, ia dapat membantu ekonomi komuniti dan memastikan bekalan makanan yang stabil serta meningkatkan saham hidup seseorang," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Teck Chwen menerangkan, pendidikan dan kesedaran

berkaitan keterjaminan makanan adalah penting untuk menyedarkan komuniti melalui menghasilkan makanan sendiri walaupun secara kecil-kecilan.

Katanya, bagi mereka yang tinggal di bangunan bertingkat khususnya di bandar seperti kondominium dan pangsupuri juga boleh menanam sayuran atau herba dalam pasu kecil.

Tambah beliau, dalam usaha ini, kerajaan juga telah memper-kenalkan dasar agromakanan ne-



LOH TECK CHWEN

gara 2.0, yang mana penghasilan padi sebanyak dua kali setahun atau lebih, serta inisiatif usahawan tani iaitu Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Intan yang dapat meningkatkan kesedaran dan keupayaan menghasilkan lebih banyak makanan mencukupi untuk semua rakyat.

Sementara itu, Pakar Ekonomi dari Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (UMST), Dr. Barjoi Bardai turut menekankan bahawa negara perlu mencontohi Singapura kerana berjaya mengeluarkan keperluan makanan sendiri sebanyak 30 peratus tanpa bergantung kepada produk import semata-mata.

"Rakyat tidak boleh terlalu bergantung dengan kerajaan kerana mereka juga mempunyai had kewangan dan kemampuan yang tersendiri.

"Sebagai rakyat yang bijak, kita perlu melihat bagaimana kita sendiri boleh memulakan langkah yang akhirnya membantu diri, keluarga dan negara secara umum," ujarnya.